

**NOTIS PENTING: PINDAAN TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT CIMB DURIAN-i KEMPEM  
RIUH DURIAN RUNTUH 2025**

Pelanggan yang Dihargai,

Berkuat kuasa 3 November 2025, Terma-Terma dan Syarat-Syarat yang disemak untuk CIMB DURIAN-i "Kempen Riuh Durian Runtuh 2025" akan dipinda seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

Pindaan dalam klausula klausula ditandakan dengan huruf tebal dan garis bawah untuk memudahkan rujukan.

| Klausula Sedia Ada  | Klausula Disemak   |
|---|--|
| <p>6. Kategori individu/entiti berikut <b>TIDAK</b> akan layak untuk menyertai Kempen ini: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional;</li> <li>b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun;</li> <li>c) Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaan) yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang bagi Kempen ini.</li> <li>d) Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaan) yang <b>TIDAK</b> terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang untuk Kempen, layak untuk menyertai kategori Hadiah Suku Tahunan tetapi <b>TIDAK</b> layak untuk menyertai kategori Hadiah Akhir Tahun.</li> </ul> <p>*“Kumpulan CIMB” merujuk kepada kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegangan muktamad CIMB mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya.</p> | <p>6. Kategori individu/entiti berikut <b>TIDAK</b> akan layak untuk menyertai Kempen ini: -</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Perusahaan kecil sederhana/perbankan perusahaan/pelanggan komersial dan korporat sebagaimana yang akan ditentukan oleh CIMB yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, syarikat tersenarai awam, syarikat sendirian berhad, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, kelab, persatuan, koperasi dan perkongsian profesional;</li> <li>b) Individu di bawah umur lapan belas (18) tahun; dan/atau</li> <li>c) Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk anak syarikat dan syarikat berkenaan) yang terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang bagi Kempen ini.</li> </ul> <p>*“Kumpulan CIMB” merujuk kepada kumpulan syarikat/entiti undang-undang di mana CIMB Group Holdings Berhad, sebagai syarikat pemegangan muktamad CIMB mempunyai kepentingan mengawal, secara langsung atau tidak langsung, sama ada dengan sendirinya atau melalui anak-anak syarikatnya</p> <p>7. <b>Kakitangan Kumpulan CIMB* (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan dengannya) yang <b>TIDAK</b> terlibat secara langsung dalam proses pemilihan Pemenang untuk Kempen, layak untuk menyertai kategori Hadiah Suku Tahunan tetapi <b>TIDAK</b> layak untuk menyertai kategori Hadiah Akhir Tahun.</b></p> |
|   |  |

|   |   |
|---|---|
| <p>16. Proses pemilihan Pemenang diperincikan seperti yang berikut:</p> <p><b>Pemenang Hadiah Suku Tahunan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bagi setiap Suku Kempen, Pemenang Berpotensi akan disenarai pendek berdasarkan kelayakan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausula 4, 5, 6 dan 7 di atas) dan jumlah penyertaan yang diperoleh oleh Pelanggan Layak sepanjang setiap Suku Kempen dalam tempoh dua belas (12) minggu dari hari terakhir Suku Kempen, bagi bertanding untuk memenangi Hadiah Suku Tahun ("Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi").</li> <li>b) Setelah disenarai pendek, setiap Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi akan dihubungi oleh CIMB melalui SMS di nombor mudah alih berdaftar mereka dengan pihak bank. Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi yang dihubungi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membala SMS tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dalam SMS tersebut.</li> <li>c) Bergantung kepada bilangan pemenang Hadiah Suku Tahunan dan kriteria kelayakan dipenuhi, Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi yang menjawab dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas seperti yang direkodkan oleh sistem CIMB (sehingga bilangan pemenang Hadiah Suku Tahunan), akan diisyiharkan sebagai "Pemenang Hadiah Suku Tahunan".</li> </ul> | <p>17. Proses pemilihan Pemenang diperincikan seperti yang berikut:</p> <p><b>Pemenang Hadiah Suku Tahunan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Bagi setiap Suku Kempen, Pemenang Berpotensi berdasarkan kelayakan (seperti yang ditakrifkan di bawah Klausula 4, 5, 6, 7 dan <b>8 di atas</b>) dan jumlah penyertaan yang diperoleh oleh Pelanggan Layak sepanjang setiap Suku Kempen dalam tempoh dua belas (12) minggu dari hari terakhir Suku Kempen, bagi bertanding untuk memenangi Hadiah Suku Tahun ("Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi").</li> <li>b) Setelah disenarai pendek, setiap Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi <b>yang memenuhi Kelayakan untuk Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua</b>, akan dihubungi oleh CIMB melalui SMS di nombor mudah alih berdaftar mereka dengan pihak bank. Pemenang Hadiah Suku Tahun Berpotensi yang dihubungi akan dikehendaki menjawab satu (1) soalan dengan betul dengan membala SMS tersebut dalam tempoh yang ditetapkan dalam SMS tersebut.</li> <li>c) <b>Tiga belas (13) Pemenang pertama yang menjawab dengan jawapan yang betul dalam masa terpantas seperti yang direkodkan oleh sistem CIMB, akan diisyiharkan sebagai "Pemenang Hadiah Suku Tahun - Hadiah Pertama dan Hadiah Kedua". Baki Pemenang Suku Tahun Berpotensi yang disenarai pendek akan dianggap sebagai "Pemenang Hadiah Suku Tahun - Hadiah Saguhati".</b></li> </ul> |
|---|---|

Terima kasih.

Pihak Pengurusan  
CIMB Islamic Bank Berhad